# MODUL  PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5

# TAHUN 2025

---

## PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH

PERATURAN PERMARKAHAN

---

| No. | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN A (20 MARKAH)** | | |
| 1 | Riba Al Qardhu | 1M |
| 2 | ايجاب | 1M |
| 3 | Assufaha’ | 1M |
| 4 | Khuluk | 1M |
| 5 | Fasakh | 1M |
| 6 | يسلم الراكب على الماشى | 1M |
| 7 | 80 | 1M |
| 8 | Minum arak / mencuri / zina / qazaf / hirabah / murtad / bughah | 1M |
| 9 | 37 | 1M |
| 10 | R - Riba An Nasa’i | 1M |
| 11 | S - Sunat Tidak Mematahkan Tulang | 1M |
| 12 | T - Pada Hari raya Idul adha dan 3 hari tasyriq | 1M |
| 13 | X-عرف صحيح / عرف فاسد | 1M |
| 14 | Y-عرف صحيح / عرف فاسد | 1M |
| 15 | التدرج والتشريع | 1M |
| 16 | قلة التكليف | 1M |
| 17 | سنة موءكد | 1M |
| 18 | X | 1M |
| 19 | / | 1M |
| 20 | / | 1M |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **BAHAGIAN B (60 MARKAH)** | | | | |
| **1** | **a** | | **Maksud mempertahankan agama :**<br>Memelihara agama daripada sebarang ancaman/ dengan mempertahankan kewujudannya/ serta menolak sebarang langkah penentangan dan menghapuskannya. | 2 X 1M = 2M |
| | **b** | | **Kaedah istinbat hukum :**<br>• Berdasarkan lafaz "أذن"<br>• فعل الماضي للمجهول yang bermaksud diizinkan berperang<br>• Keizinan daripada Allah menunjukkan hukumnya harus<br>• Oleh itu, harus berperang dengan orang kafir jika umat islam dizalimi oleh mereka. | 4 X 1M = 4M |
| | **c** | | **Sebab Nuzul :**<br>• Ayat pertama yang diturunkan untuk memberi keizinan berperang kepada umat islam yang ditindas oleh kaum musyrik. | 4 X 1M = 4M |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | • Sebelum itu mereka pernah mengadu kepada Rasulullah<br>• Tetapi Rasulullah meminta bersabar kerana baginda belum mendapat perintah untuk berperang<br>• Apabila Rasulullah dan para sahabat berhijrah ke Madinah, turunlah ayat ini. | |
| | d | | **Dua tujuan mempertahankan agama dan negara :**<br>• Memelihara agama daripada dihapuskan oleh musuh islam<br>• Diusir dari tempat tinggal tanpa alasan<br>• Menjamin kebebasan beragama dan keselamatan tempat ibadah.<br>• Dizalimi dan dianayai oleh orang-orang kafir. | 2 X 2M = 4M |
| | e | | Tiga adab dan etika dalam peperangan :<br>• Larangan membunuh orang yang mengucap dua kalimah syahadah/ kerana islam meletakkan nilai keimanan di tempat tertinggi dalam etika peperangan<br>• Larangan membunuh orang tua, wanita dan kanak-kanak/ kerana mereka merupakan golongan yang lemah.<br>• Larangan memusnahkan harta, tanaman dan binatang ternakan/ untuk memastikan kelangsungan hidup masyarakat awam.<br>• Larangan meruntuhkan rumah-rumah ibadah/ kerana Islam menegakkan prinsip kebebasan beragama<br>• Larangan membunuh para pekerja dan petani/ kerana mereka merupakan tulang belakang ekonomi sesebuah negara.<br>• Larangan membakar manusia/ kerana Islam menekankan sifat ihsan dan belas kasihan.<br>• Mematuhi semua bentuk perjanjian dan perdamaian/ kerana Islam mengajar umatnya untuk berpegang kepada janji. | 3 X 2M = 6M |
| | | | | 20m |
| **2** | a | | **Maksud mengubah Ciptaan Allah**<br>Ialah mengubahsuai anggota badan daripada kejadian asal. | 1 X 2M = 2M |
| | b | | **Ulama mengistinbatkan hukum mengubah ciptaan Allah berdasarkan**<br>• lafaz " لعن الله "<br>• yang bermaksud Allah melaknat mereka yang melakukan perbuatan tersebut.<br>• Semua perbuatan yang dilaknat oleh Allah SWT menunjukkan Haram.<br>• Oleh itu, haram membuat tatu dan meminta dibuat tatu, mencukur alis dan menjarangkan gigi untuk kecantikan. | 4 X 1M = 4M |

<table>
<tr><td></td><td>c</td><td></td><td>Pembedahan plastik yang diharuskan dan diharamkan syarak<ul><li>Rekonstraktif : Harus iaitu untuk tujuan perubatan. Contohnya; mengambil daging dipeha untuk ditampal pada bibir yang sumbing.</li><li>Kosmetik :-Haram iaitu untuk tujuan kecantikan. Contohnya memakai Botox</li></ul></td><td>2 X 2M = 4M</td></tr>
<tr><td></td><td>d</td><td></td><td>Dua hikmah suruhan meninggalkan larangan dalam hadis<ul><li>Menjadi individu muslim yang sentiasa bersyukur dan menghargai ciptaan Allah SWT.</li><li>Menghindarkan perasaan takbur dan sombong kerana kecantikan yang dimiliki.</li><li>Mana-mana jawapan munasabah diterima</li></ul></td><td>2 X 2M = 4M</td></tr>
<tr><td></td><td>e</td><td></td><td>Jawapan kbat<table>
<tr><td>Isi</td><td>Pada pendapat saya, langkah yang perlu diambil ialah berusaha mendalami hukum-hakam tentang agama islam daripada mereka yang pakar.</td></tr>
<tr><td>Huraian Isi</td><td>Hal ini,perbuatan lelaki menyerupai wanita dapat dibendung kerana mereka menyedari perbuatan mereka tidak disukai Allah SWT, malah ianya juga dilaknat oleh Allh SWT.</td></tr>
<tr><td>Dalil/Hujjah</td><td>Firman Allah SWT dalam surah at-Tin 95: [4]<br><br>لَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ فِىٓ أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ<br><br>Maksudnya: “Sesungguhnya kami telah ciptakan manusia dalam bentuk sebaik-baiknya”</td></tr>
<tr><td>Huraian Dalil/hujjah</td><td>Berdasarkan dalil diatas, Fitrah asal kejadian manusia yang diciptakan Allah SWT merupakan sebaik-sebaik kejadian.</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan ringkas</td><td>Oleh itu, masalah melawan fitrah ciptaan Allah ini hendaklah ditangani dengan segera</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan lengkap</td><td>agar dapat membentuk generasi bertamadun pada masa depan.</td></tr>
</table></td><td>6 X 1M = 6M</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td>20M</td></tr>
<tr><td>3</td><td>a</td><td>i</td><td>Dua perkara wajib haji :<ul><li>Berniat ihram di miqat</li><li>Mabit di Muzdalifah</li><li>Melontar Jamratul Aqabah</li><li>Mabit di Mina</li><li>Melontar ketiga-tiga jamrah</li><li>Meninggalkan larangan ihram</li></ul></td><td>2 ISI X 1M = 2M</td></tr>
</table>

**Join SPM Study Group**
**https://spmpaper.me/group**

<table>
<tr><td></td><td></td><td>ii</td><td>Dua perbezaan haji dengan umrah dari aspek masa dan rukun<br><table><tr><th>Aspek</th><th>Haji</th><th>Umrah</th></tr><tr><td>Masa</td><td>Boleh berniat haji pada bulan Syawal.Zulkaedah dan 9 hari terawal daripada bulan Zulhijjah</td><td>Boleh dilakukan pada bila-bila masa kecuali bagi orang yang berniat ihram haji.</td></tr><tr><td>Rukun</td><td>Terdapat ibadat wukuf di padang Arafah</td><td>Tiada ibadat wukuf</td></tr></table><br>Catatan :perbezaan mestilah selari untuk dapat 2 markah.<br>Sekiranya tidak selari : 0 markah.</td><td>2 ISI X 2M<br>= 4M</td></tr>
<tr><td></td><td>b</td><td>i</td><td>Dua ciri calon isteri menurut pandangan Islam:<ul><li>Seorang yang mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan. .</li><li>Seorang yang memiliki akhlak mulia</li><li>Seorang yang berasal daripada keturunan yang baik.</li><li>Tidak digalakkan berkahwin dengan kaum kerabat terdekat.</li><li>Sekufu iaitu setaraf dari sudut agama,pekerjaan,pendidikan,kesihatan tubuh badan dan kedudukan dalam masyarakat.</li><li>Anak gadis yang belum berkahwin.</li></ul></td><td>4 ISI X 1M<br>= 4M</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii</td><td>Cara Aina menyeleasikan masalah ialah<table><tr><td>Isi</td><td>Aina hendaklah membawa perkara ini ke Mahkamah Syariah untuk menuntut haknya</td><td>1m</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>Kerana mut'ah adalah satu hak yang diperuntukkan dalam Islam dan keluarga Islam di Malaysia.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Huraian lengkap</td><td>Kesannya, keadilan dapat ditegakkan dan kebajikan Aina serta anak-anak akan terpelihara.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Kesimpulan</td><td>Oleh itu, bekas suami hendaklah mematuhi ketetapan syarak agar kemudharatan anak isteri yang ditinggalkan dapat dielakkan.</td><td>1m</td></tr></table></td><td>4 isi x 1M<br>= 4M</td></tr>
<tr><td></td><td>c</td><td>i</td><td>Dua jenis Khitabullah :<ul><li>Al-Iktido'</li><li>At-Takhyir</li><li>Al-Wadh'ie</li></ul></td><td>2 ISI X 1M<br>= 2M</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii</td><td><ul><li>Hukum Wadhie : Mani'</li><li>Ayat ini menunjukkan perintah wajib haji bagi yang berkemampuan</li><li>Ketidakmampuan seseorang menjadi mani' (penghalang) kepada kewajipan haji</li><li>Oleh itu Haji tidak wajib kepada orang yang tidak mampu</li></ul></td><td>4 isi x 1M<br>= 4M</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td>20m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **4** | **(a)** | **(i)** | **Maksud Ijmak** ialah Persepakatan ulama mujtahidin daripada umat Muhammad saw / pada sesuatu masa terhadap sesuatu hukum syarak selepas kewafatan baginda saw. | 2 isi X 1M = 2M |
| | | **(ii)** | **Dua contoh Ijmak Soreh :**<br>• Haram memakan lemak khinzir seperti haram memakan dagingnya<br>• Haram mengahwini nenek , moyang dan ke atas | 2 isi x 1M = 2M |
| | **(b)** | | **Maksud Sadduz Zaraik :** Mencegah perkara yg harus / yg boleh mendatangkan kemudaratan | 2isi x 1M = 2M |
| | **(c)** | **(i)** | **Dua kesan Tamadun Islam dalam bidang falsafah.**<br>• Mempunyai tokoh falsafah yang terkenal seperti alKindi, alFarabi dan Ibnu Sina.<br>• Sebahagian mereka telah menterjemah ilmu falsafah Yunani ke dalam bahasa Arab. | 2 x 2M = 4M |
| | | **(ii)** | **Dua langkah mencontohi alKhawarizmi**<br>• Belajar berfikir secara kritis dalam menyelesaikan masalah untuk mencari jawapan.<br>• Berkongsi apa yang dipelajari dengan rakan-rakan melalui pelbagai platform media sosial untuk menajamkan lagi ingatan.<br>• Membuat eksperimen atau projek yang melibatkan matematik dan sains untuk mahir dalam ilmu yang dipelajari.<br>• Mendampingi guru-guru atau rakan-rakan yang bijak pandai supaya dapat belajar dari mereka.<br>• ***( mana-mana jawapan yang munasabah diterima )*** | 4 X 1M = 4M |
| | **(d)** | **(i)** | **Dua sumber perundangan Islam pada Zaman Tabiin ialah:**<br>• al-Quran<br>• Hadis<br>• Qiyas<br>• Ijmak<br>• Qaulu Sohabi | 2 isi x 1M = 2M |
| | | **(ii)** | **Dua keistimewaan perundangan Islam ialah:**<br>• Menjaga kemaslahatan manusia dan menolak kemudaratan /disamping membina dan membentuk umat manusia yang lebih bertamadun dan berperaturan tanpa ada dikriminasi terhadaap bangsa.<br>• Kekal hingga hari kiamat/kerana dijaga oleh Allah SWT tidak akan terhapus dengan sebab perubahan masa dan tempat.<br>• Meliputi hubungan manusia dengan Allah SWT, manusia sesama manusia dan manusia dengan makhluk dan alam.<br>• Ada ganjaran diakhirat bagi setiap kepatuhan dan ketaatan sewaktu didunia.<br>• Setiap pelaksanaan Allah swt semasa didunia akan mendapat pelepasan hukuman diakhirat. | 2 x 2M = 4M |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | 20M |
| **5** | **a** | **(i)** | **Maksud Lafaz Khas** : Lafaz yang menunjukkan makna khusus bagi sesuatu perkara sama ada nama khas atau bilangan tertentu | 2 x 1M = 2M |
| | | **(ii)** | **Cara Takhsis : Al-Quran Dengan Hadis**<br>- Lafaz Am : الميتة yang bermaksud semua bangkai adalah haram<br>- Takhsis : Ditakhsiskan dengan lafaz الحل dalam hadis yang bermaksud semua bangkai di lautan halal dimakan<br>- Oleh itu, semua jenis bangkai adalah haram kecuali bangkai dilautan. | 4 x 1M = 4M |
| | **b** | **(i)** | **Perkembangan perundangan Islam pada Zaman Sahabat ialah:**<br>• <u>Berlaku pengumpulan al-Quran dalam bentuk mushaf/disempurnakan pada zaman Saidina Uthman.</u><br>• <u>Berlaku ijmak ulama/pada masalah baru yg tiada dalam nas.</u> | 1 x 2M = 2M |
| | | **(ii)** | **Dua perkara yang menjadi tumpuan perundangan Islam di zaman mekah.**<br>• <u>Menumpukan pembentukan aqidah/dan membersihkan pemikiran daripada kepercayaan jahiliah.</u><br>• <u>Larangan membunuh anak perempuan/dan segala bentuk kezaliman dan penindasan seperti zina, arak dan lain-lain.</u> | 2 x 2M = 4M |
| | **c** | **(i)** | **Dua Kegemilangan tamadun islam dalam bidang ketenteraan zaman bani umayyah**<br>• Jabatan ketenteraan berkembang dan mempunyai sistem gaji yang tersusun. Terdapat seramai 40 ribu orang tentera yang berdaftar di mesir, 60 ribu orang di Sham dan 60 ribu orang di Iraq.<br>• Membina kapal perang untuk menghadapi ancaman musuh daripada kerajaan Rom melalui laut Mediterranian.<br>• Menubuhkan tiga armada tentera laut di Sham, Mesir dan Afrika Utara bagi menghadapi ancaman tentera Rom.<br>• Perluasan wilayah Islam di negara-negara Asia, Afrika dan Eropah sehingga Andalus ( Sepanyol ) di barat dan India Timur. | 2 x 2M = 4M |
| | | **(ii)** | **Dua Sumbangan Tariq Bin Ziyad**<br>• Diberi kepercayaan membuka Afrika Utara.<br>• Memimpin angkatan tentera dengan memenangi beberapa siri peperangan di Afrika Utara.<br>• Bijak menyusun strategi peperangan sehingga Andalus ( Sepanyol ) jatuh di bawah pemerintahan kerajaan Bani Umaiyyah pada tahun 92 Hijrah. | 2 x 2M = 4M |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**